



**Titah**

**Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda  
Sultan Haji Hassanah Bolkhiah Mu'izzaddin Waddaulah  
ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien  
Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam**

**Sempena**

**Keberangkatan Lawatan Kerja  
ke Angkatan Bersenjata Diraja Brunei**

**Pada**

**Hari Khamis**

**26 Muharram 1441 bersamaan dengan 26 September 2019**

**Bertempat di**

**Gym Dewan Serbaguna**

**Angkatan Bersenjata Diraja Brunei**

**Bolkiah Garison**

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bismillaahir Rahmaanir Raheem.

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuriddunya Wadden, Wassalaatu' Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalihee Wasahbihee Ajma'een, Waba'du.

Alhamdulillah, Beta bersyukur ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dapat bersama-sama para anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei pada hari ini. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) adalah tonggak pertahanan negara. Selaku tonggak, ia mesti berkeadaan sentiasa teguh dan kuat. Kekuatan ABDB mustahak dikenalpasti sejauh mana ia dapat dianggap mencukupi atau masih memerlukan peningkatan. Berdasarkan maklumat muta'akhir, kekuatan ABDB terdiri daripada 757 Pegawai dan 8,925 LLP yang membawa jumlah keseluruhan seramai 9,682 orang. Dari jumlah keseluruhan ini, pecahan peratus adalah seperti berikut; TDDB 67%, TLDB 64% dan TUDB 57%. Ternyata ABDB masih lagi kekurangan pegawai. Kekurangan ini boleh menjejaskan keberkesanan pengurusan di semua unit. Berbangkit dari kekurangan ini, terdapat sebilangan pegawai dalam satu masa memegang lebih daripada satu jawatan. Ini juga boleh menghilangkan fokus bagi pegawai berkenaan terhadap jawatan utamanya. Lain lagi sebilang anggota yang terpaksa melakukan kerja-kerja tambahan sehingga mengakibatkan peranan utama anggota tersebut dalam menjaga keselamatan dan sekuriti pertahanan jadi terabai. Kepincangan ini tidak boleh dibiarkan. Pucuk pimpinan perlu peka untuk mengatasi,

kita tidak boleh berdiam diri sahaja dengan membiarkan kepincangan ini terus berpanjangan.

Turut berkaitan dengan faktor kekuatan ialah tahap keupayaan aset-aset utama ABDB. Beta difahamkan tahap keupayaan bagi TDDB, TLDB dan TUDB masih saja belum mencapai tahap optimum 75%. Sudahlah itu, terdapat pula kejadian-kejadian merungsingkan seperti kebaran bot-bot ABDB, masa'alah CN235 TUDB yang memberi kesan pada situasi keseluruhan aset-aset utama. Ada laporan mengenai tahap bolehguna aset masih belum saja memuaskan disebabkan beberapa faktor antaranya ketiadaan alat ganti, proses pemeliharaan aset sering terbantut, kekurangan jurutera pakar, kurang kajian, penelitian dan pengawasan di peringkat rancangan serta perolehan dan penerimaan aset. Beta melihat semua faktor ini memerlukan keperihatinan semua pihak terutama pihak kepimpinan. Janganlah hanya untuk dibaca di atas kertas, tetapi cubalah kaji dan teliti baik-baik. Adakah benar atau berasas faktor-faktor atau sebab-sebab itu? Jika benar berasas, maka carilah jalan mengatasinya.

ABDB masih dibelenggu oleh masalah khidmat logistik. Simptom kelemahan di sini dapat dilihat di mana-mana unit angkatan seperti kekurangan-kekurangan alat tulis dan barangan pejabat serta lain-lain termasuk juga sering berbangkit ialah mengenai kadar bolehguna peralatan dan penyediaan rumah kelamin bagi anggota tentera masih belum mencukupi. Ini semua memerlukan perhatian juga.

Dalam ABDB juga ada berbangkit pelanggaran sekuriti. Ia menjadi kritikal apabila mendapati kes pelanggaran itu terus saja meningkat seperti jumlah pelanggaran pada tahun 2014 sebanyak 33 kes, tetapi

pada tahun 2018 telah meningkat pada 82 kes. Sesungguhnya peningkatan ini amatlah membimbangkan lebih-lebih lagi pelanggaran itu termasuk penyeludupan barang-barang tegahan seperti minuman keras, rokok dan peralatan judi. Beta tegaskan di sini, semua ini tidak boleh berlaku kompromi terhadap.

Kemudian, turut juga mustahak untuk disebut di sini ialah berkenaan dengan isu disiplin ABDB. Isu ini juga cukup merisaukan apabila mendapati di sepanjang tahun 2016 sehingga Ogos 2019 sahaja, telah berlaku pelanggaran disiplin. Kesalahan tentera berjumlah sebanyak 338 kes diikuti dengan kesalahan dadah sebanyak 182 kes, kelakuan tidak senonoh sebanyak 138 kes, kesalahan melibatkan kewangan sebanyak 107 kes, kesalahan awam sebanyak 100 kes dan kesalahan syariah sebanyak 38 kes. Mengapakah kesalahan-kesalahan ini berlaku? Sangat perlu dicari sebab-sebabnya. Sebab-sebab itu pasti ada, misalnya mungkin saja kerana peringatan secara intensif kurang diberikan oleh pihak kepimpinan atau tidak dilakukan secara berterusan sehingga para anggota memandang ringan soal disiplin, atau kerana lemah atau sedikit penerangan diberi makanya menjadikan para anggota kurang pengetahuan tentang Akta ABDB dan Undang-undang Negara. Kewajipan ABDB mesti mencari sebab-sebabnya. Mengambil berat perkara disiplin bererti menjaga sebahagian dari kebajikan anggota ABDB. Mereka tidak diragukan lagi adalah aset utama ABDB. Oleh itu, tahap moral setiap anggota perlu dijaga, jangan ia merosot. Jika tahap moral itu rendah, maka padahnya boleh menjejaskan sumbangan anggota terhadap organisasi pertahanan.

Di samping mencapai tahap moral yang tinggi, para anggota juga mempunyai projek-projek kebajikan mereka. Melalui projek-projek itu,

akan banyaklah manfaat yang boleh diraih oleh para anggota sendiri dan mungkin juga oleh negara dan masyarakat. Tetapi nampaknya perkara ini sudah tidak lagi dilaksanakan, mengapa? Padahal mengadakan projek-projek itu adalah satu aktiviti. Sifat aktiviti bukannya merugikan, tetapi menguntungkan. Jika tidak ada projek bermakna tidak ada aktiviti. Sedang pada kebiasaan, organisasi yang tidak mempunyai aktiviti adalah organisasi yang lemah. Beta tidak mahu ini berlaku. Organisasi pertahanan sama sekali tidak wajar untuk menunjukkan ciri-ciri kelemahan walaupun di dalam lingkungan sesama mereka sendiri. Jadi sebagai penutup, Beta berharap kepada semua pemegang jawatan kepimpinan supaya mengambil perhatian berat terhadap apa apa jua yang Beta timbulkan dalam perjumpaan pada hari ini. Yang Berhormat Menteri Pertahanan Kedua juga selaku sauh ABDB adalah tidak terkecuali untuk sama sama dengan para kepimpinan yang lain bagi mengambil punggur kehadapan menangani apa apa jua masalah yang perlu ditangani.

**Sekian, Wabillahi Taufiq Walhidayah,  
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.**